

26  
NO SOALAN :409

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI  
NASARAH  
(LENGGONG)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [ LENGGONG ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berdasarkan statistik pada tahun 2017 sebanyak 90 peratus rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung kehidupan sederhana (*simple lifestyle*) selepas lima tahun usia persaraan, apakah perancangan serta usaha yang akan dilaksanakan oleh Kementerian berhubung perkara ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai sebuah organisasi keselamatan sosial yang bertanggungjawab untuk menyediakan

perlindungan persaraan kepada pencarum, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) amat prihatin dengan isu semasa berhubung sebilangan besar rakyat Malaysia tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk menampung kehidupan selepas bersara. Merujuk kepada statistik KWSP sehingga Disember 2017, 64% ahli berumur 54 tahun mempunyai simpanan kurang dari RM50,000. Dengan mengandaikan seseorang ahli membelanjakan RM1,000 setiap bulan, simpanan RM50,000 ini hanya boleh bertahan dalam tempoh 4 tahun.

Justeru, KWSP telah memperkenalkan beberapa inisiatif dan mengambil tindakan untuk meningkatkan simpanan persaraan ahli seperti yang berikut. Pertama, memperkenalkan Akaun Emas pada tahun 2017 dan Pengeluaran Umur 55 Tahun serta 60 Tahun yang lebih fleksibel. Bagi ahli yang masih bekerja selepas mencapai umur 55 tahun, apa-apa caruman baru yang diterima akan dikreditkan ke dalam akaun ini. Simpanan tersebut hanya boleh dikeluarkan apabila ahli mencapai umur 60 tahun. Ini bertujuan untuk memastikan simpanan persaraan ahli akan terus bertambah dan bertahan lebih lama. Ahli juga boleh memilih kaedah pengeluaran yang lebih fleksibel di bawah Pengeluaran Umur 55 Tahun dan Pengeluaran Umur 60 Tahun. Ahli boleh memilih mengeluarkan apa-apa amaun pada bila-bila masa, bayaran sekaligus (*lump sum*), bayaran bulanan,

26  
dividen tahunan atau kombinasi.

Kedua, dividen tahunan atas simpanan KWSP telah dilanjutkan sehingga umur 100 tahun mulai 1 Januari 2017. Ketiga, menggalakkan pekerja dan majikan mencarum melebihi kadar berkanun (*Voluntary Excess*). Majikan atau pekerja, atau kedu-duanya boleh memilih untuk mencarum melebihi kadar berkanun yang ditetapkan di bawah Jadual Ketiga, Akta KWSP 1991. Pilihan caruman melebihi kadar berkanun ini boleh dibuat pada bila-bila masa. Ia amat digalakkan kerana boleh meningkatkan jumlah simpanan persaraan ahli.

Keempat, Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) yang diperkenalkan pada 2010 bertujuan untuk menyediakan perlindungan persaraan yang formal di kalangan rakyat Malaysia yang tidak mempunyai pendapatan tetap, termasuk orang yang bekerja sendiri dan suri rumah. Individu boleh memilih untuk mencarum secara sukarela dengan amaun minimum RM50 sehingga maksimum RM60,000 setahun. Mereka yang menyertai skim ini layak menerima sumbangan daripada Kerajaan dan manfaat yang sama dengan ahli KWSP seperti memperoleh dividen tahunan ke atas simpanan dan Bantuan Kematian sebanyak RM2,500. Setakat 31 Disember 2017, seramai

90,559 ahli telah mendaftar di bawah skim ini dengan amaun caruman keseluruhan berjumlah RM534.28 juta. Semasa pembentangan Bajet 2018, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak telah mengumumkan kenaikan sumbangan Kerajaan bagi Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) kepada 15% tertakluk kepada jumlah maksimum RM250 seorang setahun untuk tempoh 5 tahun bermula 2018 hingga 2022.

Di samping itu, KWSP telah memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) untuk memberikan nasihat berkaitan perancangan kewangan serta pengurusan simpanan persaraan ahli secara percuma. Setakat 30 Disember 2017, seramai 73,000 ahli telah mendapatkan perkhidmatan ini di 18 pejabat cawangan KWSP di seluruh negara. Perkhidmatan ini akan diperluaskan di seluruh pejabat cawangan KWSP sehingga tahun 2021. Selain perkhidmatan secara bersemuka ini yang dilaksanakan di kaunter RAS, ahli juga akan diperkenalkan dengan Tele-RAS di mana perkhidmatan yang sama boleh diakses secara atas talian. KWSP akan mengadakan Tele-RAS pada tahun 2018 secara berperingkat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, dalam usaha untuk menggalakkan lebih ramai masyarakat menyedari dan

memahami akan kepentingan perancangan kewangan, KWSP telah mengambil pendekatan ‘bertemu dengan pelanggan’ melalui beberapa Program Celik Kewangan (*Outreach Program*). Program yang dianjurkan secara kolaborasi dengan beberapa syarikat atau agensi besar seperti NBOS Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), JobsMalaysia, Persatuan Belia Selangor, Komuniti 1Malaysia (K1M) dan beberapa institusi pengajian tinggi telah berjaya menarik lebih daripada 79 ribu orang peserta. Melalui pelaksanaan program seperti ini, lebih ramai ahli dan masyarakat luar berpeluang untuk menerima informasi KWSP yang terkini.

Ahli KWSP juga dinasihatkan supaya tidak bergantung kepada simpanan KWSP sepenuhnya sebagai sumber pendapatan utama untuk persaraan, malahan mereka digalakkan untuk mempelbagaikan sumber pendapatan persaraan dengan menyediakan perancangan kewangan lebih awal.